

# Tidak adil halang Adun jadi menteri

KUALA LUMPUR, **Ju-  
maat**— Perlembagaan Persekutuan akan dipinda bagi membolehkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang juga seorang Ahli Parlimen, dilantik sebagai anggota Kabinet, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pindaan itu yang akan dilakukan dalam sidang biasa Julai ini juga bertujuan menghalang sebarang pilihan raya kecil diadakan dalam masa dua tahun sebelum pilihan raya umum.

Beliau berkata, adalah tidak adil jika Perlembagaan Persekutuan menghalang Adun menjadi menteri sedangkan seorang Ketua Menteri boleh menjadi Ahli Parlimen.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan mendapati sudah tiba masanya beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menghalang Adun dilantik sebagai menteri, dipinda.

“Pindaan berkenaan akan dilaksanakan dalam sidang biasa Dewan Rakyat bulan depan. Ia dijangka turut membabitkan beberapa pindaan lain yang berkaitan bagi menjelaskan maksud serta matlamatnya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar

selepas **mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT)** di Ibu Pejabat Umno di sini hari ini.

Ketika ini, beberapa Ahli Parlimen termasuk wakil parti pembangkang turut menjadi Adun.

Mengenai pindaan berhubung pilihan raya kecil, Dr Mahathir berkata:

“Kerajaan memutuskan bahawa pilihan raya kecil tidak boleh diadakan dalam masa dua tahun daripada tarikh terakhir pilihan raya umum.

“Pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung kedua-dua perkara itu akan berkuat kuasa bagi tempoh selepas ia diluluskan oleh Dewan Rakyat,” katanya.

Ditanya sama ada upacara angkat sumpah Tun Datu Mustapha Datu Harun sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah, akan diteruskan, Perdana Menteri berkata:

“Kerajaan tidak bercajandang berbuat demikian selagi pindaan perlembagaan belum selesai. Ia membuang masa sahaja, lagi pun kita sedang dalam proses meminda Perlembagaan Persekutuan.

“Jika diadakan pilihan raya sekalipun bermakna kita membuang duit dan masa sahaja,” katanya.

Selain itu, Dr Mahathir mengumumkan cadangan Umno untuk menganjurkan Seminar Pendidikan

dan Pembangunan Tenaga Manusia bertujuan mengenal pasti keperluan serta kelemahan Bumiputera di sektor berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, empat ahli MT Umno dilantik menyelenggara dan melaksanakan seminar berkenaan. Ia dipengerusikan oleh Hassan Harun, Dr Ibrahim Saad, Abdul Ghani Othman dan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

“Seminar ini penting kerana kita khuatir Bumiputera ketinggalan dari segi pembangunan tenaga manusia dan pendidikan walaupun kita sudah mencapai kejayaan di bidang tertentu.

“Di samping itu, banyak institusi pendidikan milik swasta yang tumbuh tetapi diurus berasingan. Kita khuatir sama ada kolej itu diminati atau tidak diminati oleh Bumiputera di samping mutunya yang tidak terjamin,” katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan memberi perhatian terhadap sebarang resolusi yang dicapai dalam seminar itu.

“Kerajaan akan melaksanakan sebarang resolusi mengenai perkara itu secepat mungkin dalam usaha meningkatkan pendidikan dan pembangunan tenaga manusia di kalangan Bumiputera,” katanya.